

MELAKUKAN PERUBAHAN

11 OGOS 2023 | 24 MUHARAM 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Kita seharusnya sentiasa berusaha untuk melakukan perubahan diri dari sehari ke sehari ke arah mempertingkatkan amal ibadah dan amalan kehidupan yang lebih baik. Allah Subhanahu wa-Ta'ala menegaskan hal ini dengan firman-Nya dalam Surah al-Ra'd, ayat 11;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِ مِن وَّالٍ

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya."*

Melakukan perubahan diri ke arah kecemerlangan memerlukan individu itu mempunyai jiwa besar lagi kental. Perubahan atau transformasi diri memerlukan kekuatan dan sokongan. Sebaik-baik usaha ialah bermujahadah melawan nafsu dan berusaha memperbaiki diri. Kita mengakui yang segala apa yang berlaku di dunia ini merupakan ketentuan daripada Allah. Pada masa yang sama juga, Allah menyuruh kita berusaha untuk melakukan perubahan. Adalah lebih baik kita cuba berubah walaupun gagal, daripada tidak mencuba apa-apa atau membiarkan diri tanpa sebarang ikhtiar sepanjang hidup kita.

Apabila kita ingin melakukan perubahan, ia mestilah bermula dengan perubahan dari dalam diri. Apabila sudah terjadi perubahan dari dalam diri kita, akan berlakulah juga perubahan di luar dan sekeliling kita.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Sebagai contoh, seseorang yang baru pulang dari Tanah Suci Makkah al-Mukarramah sewajarnya akan berlaku perubahan ke arah mendekati diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Sepatutnya mereka akan ternampak perubahan pada sikap, wajah, akhlak dan cara hidup mereka. Amal ibadah bertambah baik dan tidak cuai melakukannya berbanding sebelumnya. Sifat jahat dan keji seperti tamak, hasad, dengki, riak, takbur, bakhil, angkuh, membazir, boros dan sebagainya terus ditinggalkan. Menjadi seorang yang berakhlak baik seperti bertawaduk, merendah diri, tolong menolong, dermawan, bercakap benar, amanah, jujur, bersedekah dan akhlak terpuji. Sentiasa istiqamah mengerjakan solat fardhu secara berjemaah di masjid atau surau. Sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu dan kuliah agama untuk menambahkan kefahaman agama dalam diri. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Zumar, ayat 9;

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Yang bermaksud; *“Katakanlah: Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Marilah kita bersama-sama melakukan perubahan diri iaitu beristiqamah melakukan solat fardu secara berjemaah pada setiap waktu. Amalan solat fardu secara berjemaah adalah sunnah Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang paling utama dalam kehidupan harian kita. Selama ini kita selalu memandang remeh solat fardu secara berjemaah dengan alasan ianya adalah fardhu kifayah iaitu memadai sekumpulan orang lain sahaja melakukannya. Fahaman ini adalah salah kerana Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tidak pernah melakukan solat fardu melainkan secara berjemaah. Tanda kecintaan kita kepada Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam ialah mengikut sunnahnya dengan melakukan solat berjemaah. Solat fardu berjemaah ini juga akan memartabatkan syiar Islam dan mengukuhkan perpaduan umat Islam. Ganjarannya cukup besar di sisi Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدَىِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Yang bermaksud : “*Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak dua puluh tujuh darjah.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Dalam usaha untuk melakukan perubahan diri kita perlu mendalami ilmu pengetahuan dunia dan akhirat. Ilmu-ilmu dunia yang kita pelajari adalah untuk membantu kita mengurus dan mentadbir kehidupan harian kita di dunia. Manakala ilmu-ilmu akhirat adalah membantu kita menjadi hamba Allah yang taat dan patuh kepada segala perintah Allah Subhanahu wa-Ta’ala dan menjauhi segala larangannya. Adalah lebih mendukacitakan kerana kebanyakan yang hadir solat jemaah terus

meninggalkan masjid tanpa memanfaatkan majlis ilmu yang telah disusun oleh pihak masjid. Tunggulah sebentar selepas solat berjemaah untuk kita bersama-sama berzikir dan menambah ilmu pengetahuan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَأَفْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: “ Wahai orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu, “Berilah kelapangan dalam majlis”(untuk membuka ruang tempat duduk orang lain),maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Apabila diminta kepada kamu, “Berdirilah”, maka bangunlah, nescaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman dalam kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. (Ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.